

BERITA HARIAN

DATE: 29 / 10 / 2009

BH - 29/10/09

## Pulau penjenayah perang: Dr Mahathir

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mengajak rakyat seluruh dunia memulaukan penjenayah peperangan dalam usaha melindungi keamanan sejagat.

Sambil memberi amaran kepada pencetus peperangan, bekas Perdana Menteri itu berkata, Malaysia tidak seharusnya memberi ruang kepada penjenayah peperangan untuk menjejak kaki di negara ini.

Dr Mahathir menyifatkan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair sebagai penjenayah peperangan dan menegaskan pemimpin itu tidak se-

harusnya dibenarkan memasuki Malaysia.

"Kita tahu Blair boleh dilabelkan sebagai penjenayah peperangan tetapi baru-baru ini pemimpin itu berada di Sabah selepas dijemput untuk memberi ceramah mengenai keadilan. Apa yang Blair tahu mengenai keadilan...datang ke Malaysia untuk bercakap mengenai soal keadilan, ini sungguh tidak logik.

"Kita tidak sepatutnya membenarkan orang seperti ini datang ke Malaysia," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan dan Pameran Pendedahan Jenayah Perang

Antarabangsa anjuran Perdana Global Peace Organisation (PGPO) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Lebih 2,000 jempunan dari dalam luar negara menghadiri persidangan selama empat hari itu yang berakhir Sabtu ini.

Ketika menjawab soalan media asing, mengapa beliau menjadikan Amerika Syarikat (AS) sebagai sasaran utama dalam isu peperangan, Dr Mahathir berkata, sebagai contoh di Iraq, mereka (AS) adalah dalang utama memulakan peperangan.



DR MAHATHIR diiringi Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim (kanan) melawat pameran Pendedahan Jenayah Perang Antarabangsa di PWTC, semalam.